



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	19/12/2019	MUKA SURAT : 13
JABATAN	:	IWK	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

IWK lancar buku Memacu Negara

Paparan sejarah penubuhan IWK sejak tahun 1994

NUR FAHHANA ABDUL MANAN

KUALA LUMPUR

Sempena sambutan ulang tahun perkhidmatan yang ke-25, Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd melancarkan sebuah buku khas bertajuk *Memacu Negara (Sprinting the Nation)* di sini kelmarin.

Buku khas dwibahasa itu mengupas secara ringkas lipatan sejarah IWK sejak penubuhannya pada 1994 selain turut merekodkan peristiwa penting sepanjang perkhidmatan syarikat.

Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Narendran Maniam berkata, tahun 2019 adalah tahun bermakna kepada syarikat pem-



Amiruddin (kiri) dan Narendran melihat buku yang dilancarkan IWK ketika majlis pelancarannya kelmarin.



Dari kiri: Pengerusi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama), Datuk Seri Azman Ujang, Amiruddin dan Ketua Pegawai Operasi IWK, Ir Mohamad Haniffa Abdul Hamid melihat pameran pameran perjalanan dan kejayaan IWK sepanjang tempoh 25 tahun.

betungan itu kerana bukan sahaja mencapai usia 25 tahun namun memperoleh beberapa pencapaian yang mampu membantu kecakapan perkhidmatan syarikat. Menurutnya, sepanjang usia syarikat, pelbagai cabaran dan peristiwa penting dilalui.

"Biarapun perti mengharungi rintangan, warga IWK terus komited menaburkan sumbangan bagi memastikan kecakapan sistem perkhidmatan negara terjaga.

"IWK mengharagai peranan semua pihak terlibat termasuk pihak media dan kesemua pihak

berkepentingan terutama Kementerian Kewangan dan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli. Tanpa sokongan semua, kami tidak mungkin dapat menjalankan tugas kami dengan baik," katanya ketika majlis pelancaran terbitan buku tersebut.

Hadir menyempurnakan majlis pelancaran buku tersebut ialah Pengerusi IWK, Amiruddin Abdul Aziz dan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Datuk Ahmad Faizal Abdul Rahman dan Narendran.